

30 OCT 1996

Moggie-Pusat

PUSAT TENAGA NEGARA DITUBUH TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Pusat Tenaga Negara, yang ditubuhkan awal tahun depan, akan berfungsi sebagai pusat tumpuan bagi segala aktiviti berkaitan tenaga yang dikendalikan oleh semua agensi kerajaan, pusat pengajian tinggi ataupun pihak swasta.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie hari ini berkata pihak Penyelidikan dan Pembangunan Tenaga Nasional (TNRD) dilantik untuk menjalankan kajian bagi mengemukakan cadangan kepada kementerian mengenai pelbagai aspek bagi memastikan kesempurnaan penubuhan PTN nanti.

Antara aspek itu ialah status, peranan dan tanggungjawab PTN, isu-isu pembiayaan dan kewangan, penubuhan dengan organisasi berkaitan tenaga sama ada awam atau swasta yang sedia ada dan kaedah sinergi pembangunan teknologi tenaga dengan keperluan industri, katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani antara TNRD dengan kementerian bagi penubuhan PTN di pejabatnya.

Beliau berkata pihak TNRD sudahpun memulakan kajian itu sejak Ogos lepas dan ia dijangka mengemukakan laporan kepada kementerian awal bulan depan.

Moggie berkata PTN akan dilengkapi dengan pangkalan data dan maklumat yang luas mengenai sektor tenaga dan berperanan sebagai kumpulan pemikir yang akan memberi khidmat nasihat kepada kerajaan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan dasar dan penyelidikan dalam bidang tenaga.

Moggie juga mengumumkan bahawa Majlis Telekomunikasi Negara (MTN), yang akan mengadakan mesyuarat pertamanya awal tahun depan, akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anggota lain ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Moggie, ketua setiausaha beberapa kementerian dan ahli-ahli perniagaan.

Beliau berkata peranan utama MTN ialah sebagai landasan untuk kerajaan dan swasta bekerjasama dan bersepakat dalam mengalakkan pertumbuhan industri telekomunikasi negara dan merangka satu agenda yang menyeluruh dan mantap untuk mencapai matlamat dan objektif yang telah digariskan dalam Dasar Telekomunikasi Negara.

"Brikutan perkembangan pesat bidang telekomunikasi serta adanya unjurn-unjuran baru dalam bidang berkenaan, maka perlulah diwujudkan sebuah badan seperti majlis ini yang akan memastikan Malaysia melaksanakan bidang telekomunikasi dengan lebih berkesan seperti yang dirancang," katanya.

--BERNAMA

ARA NAK